From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 26 January, 2022 4:51:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 41 MPP UUM SESI 2021/2022 TERIMA WATIKAH PELANTIKAN

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

26 JANUARI 2022 / 23 JAMADILAKHIR 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh Abdul Halim Husain

41 MPP UUM SESI 2021/2022 TERIMA WATIKAH PELANTIKAN



UUM ONLINE: Seramai 41 ahli Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Utara Malaysia (MPP UUM) sesi 2021/2022 telah menerima watikah pelantikan yang disampaikan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Dalam ucapan Naib Canselor berkata, kematangan mengamalkan politik kampus pada 16 Disember 2021 lalu dilihat proses pengundian dan pelaksanaan dapat dijalankan dengan sempurna tanpa sebarang permasalahan besar.

“Perlu diingat pemilihan sebagai MPPUUM bukanlah semata-mata kejayaan popularity sebaliknya ia merupakan satu pemberian amanah iaitu kejayaan yang diiringi tanggungjawab besar untuk digalas nanti

“Tahniah kepada barisan MPPUUM yang terpilih melalui pilihan raya kampus yang berlangsung secara dalam talian sepenuhnya buat kali kedua akibat pandemik COVID-19,” ujar beliau lagi.

Prof Dr Haim Hilman berkata, akibat pandemik COVID-19 semua pihak menerima kesan untuk mengubah cara berfikir dan bertindak oleh itu beliau mengesa sebagai pemimpin yang diamanahkan oleh pelajar supaya berhati-hati dengan tindakan yang akan diambil nanti termasuk menjaga reputasi universiti.

Menurutnya, sebagai pemimpin yang dipilih kita bukan sahaja perlu merancang tetapi hendaklah bijak dalam melaksanakan apa yang dirancang nanti agar memuaskan hati pengikut kita.

Katanya, dalam zaman keterbukaan ini, UUM sangat mengalu-alukan penglibatan pelajar dalam membuat keputusan secara bersama termasuk penglibatan MPPUUM dalam Mesyuarat Senat dan mesyuarat-mesyuarat lain yang memerlukan pandangan dan penglibatan pelajar.

Beliau juga mengingatkan barisan MPP yang perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan ledakan media sosial supaya bijak bertindak dalam mengeluarkan sebarang pandangan nanti.

Katanya, pengurusan universiti akan terus mencari kaedah-kaedah dan jalan terbaik untuk memastikan pengurusan pelajar tetap terjamin.

“Saya yakin dan percaya kesefahaman antara pelajar dan universiti akan melahirkan strategi yang terbaik untuk kelangsungan universiti sekiranya kita saling menghormati kerana pengurusan universiti dan pemimpin pelajar berpisah tiada.

“Moga hubungan MPPUUM dan pengurusan dijalin dengan penuh kehormatan, saling memahami dan bekerjasama,” katanya.

MPP 2021/2022 menyaksikan Muhammad A’Linur Ahlam Abu Bakar mengekalkan jawatan sebagai Yang Dipertua dan telah mengetuai bacaan lafaz ikrar yang turut disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali dan Pendaftar, Ahmad Rasidi Abdullah.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.